



# جاین آکام اسلام نگری جوهر

JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR,  
BAHAGIAN PENDIDIKAN ISLAM,  
Tingkat 3 & 4, Blok B,  
Pusat Islam Iskandar Johor,  
Jalan Masjid Abu Bakar,  
80990 Johor Bahru, Johor

No. Tel : 07-228 2928/30/32/33/55  
Faks : 07-223 3178  
Website : <http://bpj.johor.gov.my>  
Emel : [bpaj@johor.gov.my](mailto:bpaj@johor.gov.my)



Sila nyatakan rujukan bilangan surat kami  
apabila menjawab

Ruj. Kami : JAINJ.BPI.010.708 Jld. 3 (32)  
Tarikh : 7 Januari 2019M  
1 Jamadil Awal 1440H

## Timbalan Pengarah Pendidikan Agama, Jabatan Agama Islam Negeri Johor Semua Pegawai Pendidikan Islam Daerah Semua Guru Besar Sekolah Rendah Agama Bersepadu Negeri Johor

بسم الله الرحمن الرحيم

Tuan,

### SURAT PEKELILING IKHTISAS BAHAGIAN PENDIDIKAN ISLAM, JABATAN AGAMA ISLAM JOHOR BILANGAN 1 TAHUN 2019 : SYARAT KENAIKAN DARJAH BAGI MURID SEKOLAH RENDAH AGAMA BERSEPADU KERAJAAN NEGERI JOHOR

#### TUJUAN

1. Surat pekeliling ikhtisas ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan syarat kenaikan darjah bagi murid Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) Negeri Johor.

#### LATAR BELAKANG

2. Syarat kenaikan darjah bagi semua murid sekolah agama sebagaimana surat Jabatan ini rujukan PPAJ 2/1/33 JLD.8 (44) bertarikh 4 Februari 2003 di bawah tajuk “Penurunan peratus kenaikan darjah (Pekeliling PPAJ/2/1/88 (40) Jld. 5 bertarikh 2 November 1998 dirujuk)” adalah sebagaimana berikut:

- 2.1 Murid darjah 1, 2 dan 3, kenaikan darjah berdasarkan kepada lulus peperiksaan akhir tahun dengan mendapat sekurang-kurangnya empat puluh peratus (40%) pada peratus keseluruhan matapelajaran (peratus besar).
- 2.2 Murid darjah 4 dan 5, kenaikan darjah berdasarkan kepada lulus peperiksaan akhir tahun dengan mendapat sekurang-kurangnya empat puluh peratus (40%) pada:



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008  
CERT. NO.: AR 4866

i- matapelajaran teras iaitu Al-Quran, Tauhid dan Ibadat; dan

ii- peratus keseluruhan matapelajaran (peratus besar).

3. Pada dasarnya penguatkuasaan pekeliling tersebut adalah terpakai kepada semua sekolah agama kerajaan negeri Johor. Adapun bagi Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) Negeri Johor pengecualian diberikan berikutan pelaksanaan dwi kurikulum dalam sebuah sekolah yang sama iaitu kurikulum agama kerajaan negeri dan kurikulum kebangsaan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

4. Bagi memastikan kurikulum agama kerajaan negeri diberi tumpuan yang lebih menyeluruh, jabatan ini bersetuju pemakaian pekeliling tersebut dikuatkuasakan semula kepada SRAB negeri Johor mulai sesi persekolahan tahun 2019.

5. Persetujuan ini telah diputuskan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Negeri Johor Bil.2/2018 yang bersidang pada 26 Disember 2018 lalu.

## **PELAKSANAAN**

6. Jabatan ini bersetuju syarat kenaikan darjah bagi semua murid di SRAB negeri Johor yang berada pada darjah 1 hingga 5 adalah sama sepetimana syarat kenaikan darjah bagi murid sekolah agama kerajaan Johor yang lain iaitu sebagaimana berikut:

6.1 Murid darjah 1, 2 dan 3, kenaikan darjah berdasarkan kepada lulus peperiksaan akhir tahun dengan mendapat sekurang-kurangnya empat puluh peratus (40%) pada peratus keseluruhan matapelajaran (peratus besar).

6.2 Murid darjah 4 dan 5, kenaikan darjah berdasarkan kepada lulus peperiksaan akhir tahun dengan mendapat sekurang-kurangnya empat puluh peratus (40%) pada:

i- matapelajaran teras iaitu Al-Quran, Tauhid dan Ibadat; dan

ii- peratus keseluruhan matapelajaran (peratus besar).

7. Penguatkuasaan syarat kenaikan darjah ini ialah mulai sesi persekolahan tahun 2019 iaitu untuk kenaikan darjah tahun berikutnya (tahun 2020) dengan pelaksanaan secara serentak bagi semua murid darjah 1 hingga 5.

8. Berikut penguatkuasaan syarat kenaikan darjah ini, maka murid yang gagal memenuhi syarat adalah tidak layak untuk naik ke darjah selanjutnya pada tahun berikutnya. Dengan itu, murid berkenaan tidak dibenarkan untuk meneruskan pembelajaran di SRAB negeri Johor. Sungguhpun demikian, murid masih boleh meneruskan persekolahan di sekolah kebangsaan dan sekolah agama kerajaan negeri yang lain pada tahap kelayakan semasa mereka.

#### **TARIKH KUAT KUASA**

9. Surat pekeliling ikhtisas ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2019.

#### **TANGGUNGJAWAB**

10. Yang Berbahagia tuan/ puan hendaklah mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat pekeliling ikhtisas ini kepada pegawai di bawah pentadbiran tuan dan Guru Besar SRAB negeri Johor supaya dapat dimaklumkan seterusnya kepada ibubapa/ penjaga murid yang berkenaan.

Sekian. Terima Kasih.

#### **“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



(HJ. MD. ROFIKI BIN DATO` HJ. A. SHAMSUDIN)

Pengarah,

Jabatan Agama Islam Negeri Johor.

s.k:

- Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Dan Pendidikan Negeri Johor
- Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Johor
- Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Johor
- Semua Ketua Unit, Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Negeri Johor